

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	UTM hasil penapis air bersih	Berita Harian
2.	Jangan pandang remeh perubahan iklim - PM	Utusan Malaysia
3.	Pelajar PMM jalani latihan industri di 21 Hotel Seri Malaysia	BERNAMA
4.	Jangan pandang remeh perubahan iklim dan pemanasan global - Najib	BERNAMA
5.	Gegaran tak bawa bahaya, risiko tinggi	Berita Harian
6.	Sabah folk shaken up by tremor caused by Sulu Sea quake	The Star
7.	Suhu bulan depan diramal cecah 38 darjah Celsius	Utusan Malaysia
8.	SPAN minta Kerajaan Negeri pantau rapi sumber air berikutan cuaca kering	BERNAMA
9.	Kaji sumber air bawah tanah	Kosmo
10.	Monitor dam levels, states told	The Sun
11.	Time to cool down	The Malay Mail
12.	Kementerian tidak galakkan aktiviti luar kelas	Kosmo
13.	Hujan lebat turun dua jam di Kuala Lumpur, Selangor	Kosmo
14.	Industrial laser use ' under control'	The Sun

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V6
TARIKH : 26 FEBRUARI 2015 (RABU)



Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

► Pekan

Ewon (kiri) mengisi air ke dalam mesin penapisan air Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant sambil dibantu Prof Ahmad Fauzi (kanan) dan Prof Wahid.

UTM hasil penapis air bersih

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tampil dengan inovasi bagi menyelesaikan masalah bekalan air bersih kepada penduduk terjejas banjir menerusi alat penapisan air Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant.

Alat berkenaan adalah hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) diketuai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTM, Prof Dr Ahmad Fauzi Ismail dengan kerjasama Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi

Prof Ahmad Fauzi yang pernah menerima Anugerah Saintis dan Teknologis Muda ASEAN pada tahun 2001 dan penerima Anugerah Merdeka 2014, berkata, penyelidikan alat itu dilakukan tiga tahun lalu bersama-sama lima pelajar ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pusat Penyelidikan Membran Termaju (AMTEC) UTM.

Beliau berkata, mesin penapis itu bersifat mudah alih dan mampu menghasilkan

kira-kira 5,000 liter air bersih dalam tempoh satu jam.

"Sistem penapisan yang digunakan bukan sahaja dapat menghasilkan air minuman bersih, bahkan selamat daripada sebarang risiko penyakit bawaan air seperti E-Coli dan Leptospirosis atau kencing tikus.

"Mesin ini beroperasi menggunakan generator dan tidak ada masalah untuk digunakan di kawasan terputus bekalan elektrik tanpa mengganggu

kemampuan dan kualiti air dihasilkan.

Komponen membran

"Ia juga boleh disesuaikan untuk kegunaan pada skala besar dan jika kita ingin memproses air kepada kepada jumlah yang lebih banyak, kita cuma perlu tambah komponen membran pada mesin berkenaan," katanya pada Majlis Pelancaran Mesin Penapis Air Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant di Sekolah Kebangsaan Padang Aceh, dekat sini, baru-baru ini.

Majlis dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur dan Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar.

Prof Ahmad Fauzi juga berkata, terdapat lima modul atau peringkat rawatan dilakukan mesin berkenaan bagi memastikan air bersih dihasilkan bebas bakteria dan risiko penyakit berbahaya.

"Untuk memastikan keselamatan air bersih dihasilkan, air yang ditapis akan melalui lima fasa tapisan, iaitu prarawatan, turasan-ultra, osmosis berbalik, sinaran UV dan bahan pelembut.

"Teknologi osmosis berbalik dan turasan-ultra digunakan dalam proses ini bagi membolehkan mesin penapis merawat air daripada pelbagai sumber termasuk air laut, payau dan air yang keruh.

"Sementara itu, sinaran UV pula digunakan bagi membunuh bakteria dan virus yang terdapat dalam air yang diproses," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 26 FEBRUARI 2015 (RABU)

Jangan pandang remeh perubahan iklim – PM

PUTRAJAYA 25 Feb. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, fenomena perubahan iklim dan pemanasan global tidak boleh dipandang remeh kerana disebabkan faktor itu, taburan hujan kini telah berubah.

Akibatnya beliau berkata, negara berhadapan musim kemarau melampau hingga mengalami krisis air di beberapa buah negeri pada awal dan pertengahan tahun lalu.

Selain itu katanya, fenomena tersebut turut menyebabkan berlakunya hujan lebat berterusan pada hujung tahun lalu hingga membawa kepada kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa akibat banjir.

“Sebagai contoh, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan telah merekodkan taburan hujan yang tinggi iaitu 1,295 milimeter bagi tempoh 21 hingga 23 Disember 2014 lalu yang bersamaan dengan taburan hujan untuk 64 hari.

“Majlis Keselamatan Negara (MKN) pula mengesahkan bencana banjir terburuk dan tanah runtuh yang berlaku ketika ini ada kaitan dengan kegiatan pembukaan tanah untuk pertanian dan pembangunan serta penerokaan tanah haram,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan yang mengandungi ucapannya selaku Pengerusi Mesyuarat Teknologi Hijau dan

Perubahan Iklim di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johny Ongkili; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Menyentuh isu berkaitan, Najib berkata, Laporan Penilaian Ke-5 Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim yang diterbitkan pada tahun lalu oleh World Meteorological Organization (WMO) dan United Nations Environment Programme (UNEP) telah memberi amaran bahawa langkah-langkah mitigasi yang diambil masih belum mencukupi untuk menghadkan tahap peningkatan suhu pada dua darjah Celsius.

Dalam perkembangan sama, Perdana Menteri berkata, pengurangan intensiti sebanyak 44 peratus menjelang tahun 2020 dan 53 peratus menjelang tahun 2030 berpotensi untuk dicapai sekiranya langkah mitigasi terhadap beberapa sektor dilaksanakan sepenuhnya.

“Sektor-sektor yang dikenal pasti itu adalah sektor tenaga, proses industri, pengurusan sisa, pertanian dan guna tanah,” katanya.

Usaha tersebut kata Perdana Menteri ada dinyatakan dalam kajian Pelan Tindakan Pengurangan Karbon Intensiti di Malaysia.

Berhubung pelaksanaan teknologi hijau pula kata Najib, sektor itu mampu menjadi pemangkin ke arah pembangunan hijau yang mampan bukan sahaja dari aspek keseimbangan alam sekitar bahkan aspek sosial.

“Berdasarkan laporan United Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNEP) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) jumlah pasaran dunia untuk produk hijau dan perkhidmatan mesra alam dianggarkan AS\$1.37 trilion (RM4.4 trilion) pada tahun 2008.

“Jumlah tersebut dijangka meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2020,” ujarnya.

Sementara itu di Malaysia ujarnya, berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk Teknologi Hijau, lima sektor utama ekonomi iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan, sisa dan air telah menyumbang sebanyak RM7.9 bilion atau 0.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2013.

“Jumlah pekerjaan hijau yang telah wujud di Malaysia pada tahun 2013 pula telah dianggarkan sebanyak 61,280 dan seterusnya angka ini meningkat sebanyak 38 peratus pada tahun 2014 kepada 84,565,” katanya lagi.



Pelajar PMM Jalani Latihan Industri Di 21 Hotel Seri Malaysia

Oleh Rashidah Abdul Rahim MELAKA, 25 Feb (Bernama) -- Pelajar Politeknik Merlimau Melaka (PMM) dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti berpeluang menjalani latihan industri di 21 buah Hotel Seri Malaysia di seluruh negara bermula tahun depan.

Pengarah Urusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn Bhd (RHSM) Mazli Mohamed yang juga Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu berkata kerjasama tersebut bakal memberi banyak manfaat kepada RHSM dari pelbagai aspek.

"Kerjasama seperti ini amat penting untuk membantu RHSM terus bertapak sebagai rangkaian hotel terkemuka di dalam industri perhotelan negara," katanya kepada Bernama di sini.

Beliau berkata pihak RHSM juga akan memberi peluang pekerjaan kepada pelajar PMM yang melakukan latihan industri untuk terus berkhidmat di hotel tersebut.

Pengarah PMM Zolkarnain Jobshi berkata jalinan kerjasama dengan itu merupakan satu lagi usaha PMM bagi menyediakan penempatan latihan industri yang kompeten dan berdaya saing.

"Kerjasama ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak terutama memberi impak besar pada kualiti pelajar PMM dan meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan.

"Penempatan pelajar di mana-mana rangkaian Hotel Seri Malaysia juga akan membantu mengurangkan kos hidup pelajar kerana mereka boleh menjalani latihan industri di negeri masing-masing," katanya.

PMM dan RHSM telah menandatangani nota kerjasama itu semalam melibatkan usaha sama kedua-dua pihak selama lima tahun, disaksikan [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) serta Timbalan Ketua Pengarah Strategik Jabatan Pengajian Politeknik Shabudin Man.

Nota tersebut ditandatangani Zolkarnain bagi pihak PMM manakala RHSM ditandatangani oleh Mazli.

-- BERNAMA



Jangan Pandang Remeh Perubahan Iklim Dan Pemanasan Global - Najib



PUTRAJAYA, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata fenomena perubahan iklim dan pemanasan global tidak lagi boleh dipandang remeh.

Katanya taburan hujan telah berubah dan Malaysia menempuh musim kemarau terlampau hingga mengalami krisis air di beberapa negeri pada awal dan pertengahan 2014 dan pada penghujung tahun pula, hujan lebat berterusan telah membawa kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa akibat banjir.

"Sebagai contoh, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan merekodkan taburan hujan tinggi iaitu 1,295 milimeter bagi tempoh 21 hingga 23 Dis 2014 yang bersamaan dengan taburan hujan bagi 64 hari," katanya ketika berucap mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) di sini hari ini.

Najib juga berkata Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengesahkan bencana banjir terburuk dan tanah runtuh yang berlaku itu ada kaitannya dengan kegiatan pembukaan tanah untuk pertanian dan pembangunan serta penerokaan tanah haram.

Laporan Penilaian Kelima Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) yang diterbitkan tahun lepas oleh Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) dan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNEP) telah memberi amaran bahawa langkah-langkah mitigasi yang diambil masih belum mencukupi untuk mengesahkan tahap peningkatan suhu pada dua darjah Celcius, katanya.

"Ini akan mengakibatkan bencana alam yang sangat serius pada masa depan," katanya.

Najib berkata memandangkan MTHPI yang diwujudkan pada 2010 berperanan merangka agenda pembangunan teknologi hijau dan menangani perubahan iklim maka adalah wajar mesyuarat MTHPI diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Menyentuh mengenai teknologi hijau, Perdana Menteri berkata jumlah pekerjaan hijau yang wujud di Malaysia telah meningkat sebanyak 38 peratus iaitu daripada 61,280 pada 2013 kepada 84,565 pada tahun lepas.

Beliau berkata teknologi hijau di Malaysia dapat menjadi pemangkin ke arah pembangunan ekonomi hijau yang mampan bukan sahaja dari aspek keseimbangan alam sekitar tetapi juga aspek sosial.

Beliau berkata Kajian Pelan Induk Teknologi Hijau menggariskan lima sektor utama ekonomi iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan, sisa dan air.

Najib berkata dijangka perniagaan hijau berdasarkan landasan "berurus niaga seperti biasa" bagi lima sektor utama ekonomi tersebut akan menyumbang sebanyak RM12.7 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2020 dan RM27.9 bilion pada tahun 2030.

"Sekiranya komitmen jitu diberikan melangkaui "business as usual" (urus niaga seperti biasa) dalam meningkatkan perniagaan hijau adalah dijangka perniagaan hijau akan menyumbang sebanyak RM22.4 bilion kepada KDNK pada tahun 2020 dan RM60 bilion pada tahun 2030," katanya.

Perniagaan hijau berdasarkan landasan itu juga dijangka dapat meningkatkan peluang pekerjaan hijau kepada 144,590 pada tahun 2020 dan 211,500 pada tahun 2030, katanya.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dalam sidang media selepas mesyuarat itu berkata sebanyak lima kertas pertimbangan dibentangkan dalam mesyuarat hari ini iaitu Pelan Induk Teknologi Hijau Negara daripada kementeriannya dan 'A Roadmap of Carbon Intensity Reduction in Malaysia' (Pelan Pengurangan Tahap Karbon di Malaysia) daripada Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli.

Tiga lagi kertas pertimbangan yang dibentangkan ialah 'National Waste Grid' (Grid Sisa Nasional) daripada Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Cadangan Mewujudkan Industri Green-Blue Packaging daripada [SIRIM Bhd](#) dan Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik Negara daripada Malaysia Green Technology Corporation.

-- BERNAMA

Gegaran tak bawa bahaya, risiko tinggi

Sandakan: Gempa bumi sederhana dengan magnitud 5.6 skala Richter di Laut Sulu, Filipina, menyebabkan gegaran turut dirasakan di enam daerah di Sabah, pagi semalam.

Gegaran selama hampir 30 saat itu dirasakan pada jam 9.31 pagi di beberapa kawasan di Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau.

Jabatan Meteorologi Malaysia

menerusi kenyataan yang dikeluarkan semalam berkata, pusat gempa bumi terbabit terletak 194 kilometer timur laut dari Kinabatangan, manakala 247 kilometer barat daya dari Isabela City, Filipina dan tiada ancaman Tsunami dikeluarkan.

Jarak pusat gempa jauh

Jurucakap Jabatan Meteorologi Sabah berkata, walaupun gega-

ran dirasakan di beberapa kawasan di negeri ini khususnya di pantai timur, ia tidak membawa kesan besar kerana jarak pusat gempa yang jauh.

"Kami masih memantau perkembangan gempa bumi ini dan akan memaklumkan maklumat terkini kepada orang ramai secara berterusan.

"Gegaran ini dirasakan di enam daerah di negeri ini, tetapi ia tidak

membawa bahaya dan risiko tinggi," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Pantau perkembangan gempa

Beliau berkata, Jabatan Meteorologi juga sedang memantau perkembangan gempa bumi berkenaan berikutan ia kali kedua gegaran berlaku di Sabah tahun ini.

Katanya, kali pertama gegaran

dirasai di Tawau pada 20 Januari lalu berikutan gempa bumi 5.8 Richter di Sulu Archipelago, Filipina.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Nordin Pauzi, berkata pihaknya tidak menerima laporan mengenai kerosakan harta benda atau kecederaan susulan gempa bumi itu.

"Kami sudah mengarahkan anggota bomba melakukan pemeriksaan di kawasan terbabit gegaran dan tiada laporan diterima berkaitan kerosakan atau kecederaan," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 26 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

Sabah folk shaken up by tremor caused by Sulu Sea quake

By **STEPHANIE LEE**
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A sudden order to evacuate the Sandakan Municipal Council office caught Vun Soon Chong by surprise.

Thinking it was a fire drill, he walked out of a meeting only to realise that a tremor, triggered by

a 5.6-magnitude undersea earthquake, struck the Sulu Sea in neighbouring Philippines and had shaken the building.

"I did not feel any movements," Vun recalled.

"It was only when firemen told us that there was a mild tremor that I knew," he said as he waited for firemen to finish their inspection of the building at about 9.40am yesterday.

Over 100 workers and visitors in the building were evacuated.

The tremor was felt in Sandakan, Lahad Datu and also Kinabatangan.

Firemen allowed everyone back into the building at about 10.05am.

Meanwhile, people at the Wisma Khoo Siak Chew commercial building felt the movements and rushed out of the premises.

"We were worried because the tremor was strong although it lasted only for about 10 to 15 seconds," said a housewife named Chew.

Some residents in Lahad Datu said they felt dizzy after the

grounds shook.

"I did not realise it was an earthquake until everything was calm again," said businesswoman Bella Diaz.

The Malaysian Meteorological Department reported the quake occurred at about 9.31am at the Sulu Sea, 183km northeast of Kinabatangan, Sabah.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 26 FEBRUARI 2015 (RABU)

Suhu bulan depan diramal cecah 38 darjah Celsius

KUALA LUMPUR 25 Feb. - Jabatan Meteorologi meramalkan negara tidak akan mengalami peningkatan suhu panas sehingga tahap maksimum 40 darjah Celsius seperti yang pernah melanda Chuping, Perlis pada 9 April 1998.

Sebaliknya, menurut Pegawai Meteorologi, Ambun Dindang, suhu panas maksimum yang diramal pada Mac ini tidak melebihi 38 darjah Celsius ekoran fenomena Ekuinoks yang sedang berlaku.

Katanya, peningkatan suhu panas tersebut walaupun tidak mencapai tahap maksimum seperti

pada 1998 berlaku kerana ketika itu kedudukan matahari akan berada di atas garisan Khatulistiwa.

"Perubahan suhu itu dijangka dapat dirasai selepas 21 Mac ini dan kita ramalkan suhu tertinggi yang akan dicatatkan selepas ini tidak melebihi 38 darjah Celsius," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tentang suhu agak tinggi yang direkodkan di Chuping, Perlis dengan 35.9 darjah Celsius, Alor Setar (34.9 darjah Celsius) dan Petaling Jaya (34.1 darjah Celsius).

Menurutnya, awan selepas itu

akan bergerak pula ke bahagian ke Kutub Utara dan akan mempengaruhi suhu yang turut membawa kepada perubahan Monsun Timur Laut.

Kata Ambun, pergerakan angin Monsun Timur Laut yang kini berada di penghujung musim sedang bergerak dan akan membawa awan ke Sabah serta Sarawak.

Menurutnya, pada April ini selepas berakhirnya fenomena Ekuinoks, akan berlaku pula peralihan angin monsun yang akan menyebabkan berlakunya hujan dan ribut petir.

info

RAMALAN METEOROLOGI

- > Monsun Timur Laut dijangka berakhir Mac ini.
- > Kemungkinan fenomena El Nino ekoran cuaca panas lemah iaitu antara 40% hingga 55% tidak memberi kesan signifikan.
- > Pada Mac ini Sabah diramalkan sedikit hujan purata kurang 200 milimeter manakala April pula paras purata anggaran 100 milimeter hingga 300 milimeter.
- > Pada Mac ini Sarawak menerima anggaran hujan antara 200 milimeter hingga 500 milimeter dan April pula 100 milimeter hingga 400 milimeter.
- > Anggaran hujan pada Mac di Semenanjung adalah 300 milimeter di semua kawasan kecuali di utara yang dijangka menerima kurang 100 milimeter hujan. Pada April pula akan menerima purata hujan 100 milimeter hingga 300 milimeter bagi seluruh kawasan kecuali Kelantan dan Terengganu yang dijangka menerima kurang 100 milimeter hujan.



SPAN Minta Kerajaan Negeri Pantau Rapi Sumber Air Berikutan Cuaca Kering

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Kesemua kerajaan negeri diminta memantau rapi kedudukan air di empangan dan sungai masing-masing berikutan ramalan cuaca kering yang dijangka sehingga penghujung Mac ini.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Datuk Ismail Kasim berkata kerajaan negeri adalah bertanggungjawab melalui operator air masing-masing bagi memastikan sumber air di negeri mereka mencukupi dalam memenuhi keperluan penduduk.

"Selain sumber air di empangan dan sungai, kerajaan negeri juga diminta mengkaji sumber alternatif seperti air bawah tanah dan kolam takungan bagi menambah sumber.

"Kerajaan negeri juga disaran mengkaji untuk melaksanakan pembenihan awan dengan bantuan Jabatan Meteorologi Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ismail berkata langkah kerajaan Selangor yang bersiap sedia dengan kolam takungan air sekitar Bestari Jaya dan mula mengepam air daripada kolam-kolam tersebut ke Sungai Selangor apabila paras sungai menjadi rendah wajar dicontohi.

Di samping itu, beliau mengingatkan pengguna supaya berhemah dalam menggunakan air dan tidak membazir supaya sumber air yang ada dapat bertahan lama.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan negara khususnya di utara pantai barat Semenanjung Malaysia akan kurang menerima hujan sehingga penghujung Mac ini, menyebabkan berlakunya cuaca panas dan kering.

Jabatan itu meramalkan cuaca panas dan kering itu dijangka berakhir menjelang penghujung Mac berikutan bermulanya musim peralihan yang akan membawa lebih banyak hujan.

-- BERNAMA

SPAN minta semua negeri membuat persediaan awal hadapi musim panas, kering

Kaji sumber air bawah tanah

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI
shaherman.shamsuri@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meminta semua negeri mengkaji serta menyediakan sumber air bawah tanah dan kolam takungan bagi menambak bekalan air mentah.

Pengerusinya, Datuk Ismail Kasim berkata, persediaan awal tersebut penting bagi menghadapi musim panas dan kering yang dijangka berlarutan sehingga penghujung Mac ini.

Menurut beliau, selain menggunakan sumber empangan dan sungai, setiap negeri juga disarankan mengkaji untuk melaksanakan pembenihan awan dengan bantuan Jabatan Meteorologi Malaysia.

"SPAN meminta semua negeri melalui operator air memantau secara rapi kedudukan bekalan air di empangan dan sungai yang membekalkan air mentah ke loji-loji rawatan air di negeri masing-masing.

"Ini kerana, kerajaan negeri bertanggungjawab untuk memastikan sumber air di negeri



mereka mencukupi untuk memenuhi keperluan bekalan air," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ketika ini, sebahagian penduduk Kelantan yang menerima bekalan air bersih mendapatkannya daripada air bawah tanah.

Ismail memberitahu, langkah yang diambil Kerajaan Negeri Selangor dalam membuat persediaan untuk berdepan musim panas dan kering boleh dicontohi oleh negeri-negeri lain.

Katanya, kerajaan negeri Se-

langor melalui Lembaga Urus Air Selangor sudah bersiap sedia dengan kolam takungan air di sekitar Bestari Jaya dan mula mengepam air dari kolam itu ke Sungai Selangor apabila paras sungai menjadi rendah untuk dirawat di loji rawatan air utama.

"Melalui cara itu, paras air Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi dapat dikawal supaya tidak merosot dengan mendadak.

"Pada masa sama, kerajaan negeri Selangor juga telah me-

INFO Paras empangan di Selangor semalam

Empangan	Bacaan terkini (m)	Bacaan maksimum (m)	Bacaan kritikal (m)
Batu	101.44	102.7	84.1
Klang Gates	94.05	95.22	84.00
Langat	220.49	220.96	204.21
Semenyih	110.41	111.00	84.1
Sungai Selangor	211.85	220.00	190.00
Sungai Tinggi	54.50	59.5	49.0
Tasik Subang	38.45	38.56	34.75
Sungai Labu	38.00		

Sumber: Lembaga Urus Air Selangor

mulakan usaha pembenihan awan," ujarnya.

Ismail turut menasihatkan pengguna supaya berhati-hati dalam menggunakan air dan tidak membazir supaya sumber air yang ada akan dapat bertahan lebih lama.

Kosmo! semalam melaporkan, Jabatan Meteorologi Ma-



KERATAN Kosmo! semalam.

laysia memaklumkan cuaca panas dan kering yang kini dialami kebanyakan kawasan di negeri ini merupakan fenomena fasa akhir musim tengkujuh dan diramal berlaku sehingga penghujung Mac ini.

theSun ON THURSDAY | FEBRUARY 26, 2015

Monitor dam levels, states told

> Ensure enough raw water for treatment plants, says SPAN

BY **BERNARD CHEAH**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: State authorities have been advised to monitor the water levels in their dams and rivers in view of the current hot weather.

National Water Services Commission (SPAN) chairman Datuk Ismail Kasim said water operators in each state should ensure there is enough raw water to supply treatment plants.

Ismail said, in addition to dams and rivers, state governments should look into alternative sources, including underground water, retention ponds and cloud-seeding with the help of the Meteorological Department.

"In relation to this, the measures taken by the Selangor government can be emulated," he said.

"The state government,

through Selangor Water Management Authority, had prepared retention ponds around Bestari Jaya and had pumped water from ponds into Sungai Selangor when the river level became low, leading to the water level in Sungai Selangor and Sungai Tinggi dams to be controlled," he said.

He added that the state had also started cloud-seeding.

While the hot weather season occurs annually from the beginning of the year until March, the rainfall rate in 2014 in most of the water catchment areas was very low compared to this year, he added.

"However, consumers are advised to be prudent in using water and not to waste it."

He was referring to a statement by the Meteorological Department that the country, especially the west coast, would be receiving little rain until the end of March.

KERATAN AKHBAR
MALAY MAIL (FRONT PAGE) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 26 FEBRUARI 2015 (RABU)



TIME TO COOL DOWN

PETALING JAYA — While weather experts insisted the hot spell was nothing out of the ordinary, many continued to take every opportunity to keep cool. Malaysian Meteorological Department National Weather centre Senior Meteorological Officer Dr Mohd Hisham Mohd Anip said it was normal to experience warmer temperatures in this period due to lower levels of rainfall.

"The temperature is predicted to rise from the average 32 to 34 degree Celcius to slightly above 34 degrees," he said.

He attributed the changes in weather to the movement of the sun from the Southern to Northern hemisphere.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak warned climate change and global warming should not be taken lightly, adding rainfall patterns in the country had changed resulting prolonged draughts.

The National Water Services Commission yesterday advised state governments to monitor water levels at dams and rivers in view of the dry spell that is expected to last till the end of March.

So much water under the bridge for sisters Nur Izzati, three (front), and Nur Atirah Abdul Rahman, five, as they had a splashing time in the pool at Suria KLCC yesterday. — **Picture by Shafiq Zain**

KERATAN AKHBAR
KOSMO (CUACA PANAS, KERING MELANDA NEGARA):
MUKA SURAT 10
TARIKH: 26 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

Kementerian tidak galakkan aktiviti luar kelas

KUALA LUMPUR – Kementerian Pendidikan mengingatkan pihak sekolah yang berada di kawasan cuaca kering dan panas supaya tidak melakukan sebarang aktiviti di luar kelas demi kesihatan pelajar.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan), Datuk Ahmad Tajuddin Jab berkata, pihak sekolah perlu sentiasa melaporkan keadaan semasa mengenai cuaca di kawasan masing-masing.

“Sekolah-sekolah yang tidak terjejas dengan cuaca panas boleh mempertimbangkan sama ada mahu meneruskan aktiviti di luar kelas atau tidak,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia yang melaporkan negeri di utara dan pantai barat semenanjung diramal akan kurang menerima hujan sehingga penghujung Mac ini sehingga menyebabkan berlakunya cuaca panas.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (CUACA PANAS, KERING MELANDA NEGARA):
MUKA SURAT 10
TARIKH: 26 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)

Hujan lebat turun dua jam di Kuala Lumpur, Selangor

KUALA LUMPUR – Seluruh kawasan di ibu negara mengalami hujan lebat pada petang semalam setelah cuaca panas serta kering berlarutan sejak kira-kira seminggu lalu.

Menurut sumber Jabatan Meteorologi Malaysia, semua kawasan di Kuala Lumpur menerima hujan lebat selama dua jam bermula pada pukul 4.30 petang.

“Berdasarkan ramalan, hujan dijangka berterusan sepanjang minggu ini di kawasan sekitar ibu kota pada waktu petang,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sumber memberitahu, beberapa kawasan di negeri Selangor turut menerima hujan termasuk di daerah Petaling Jaya, Klang Gombak dan Sepang semalam.

“Pada keesokan (hari ini), ramalan cuaca menunjukkan hujan dijangka turun di beberapa daerah lain di Selangor seperti Hulu Selangor,” ujarnya.



SEORANG lelaki berpayung ketika hujan lebat di pekarangan Masjid Al-Akram, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur semalam.

Industrial laser use 'under control'

GEORGE TOWN: The industrial use of laser radiation technology in Malaysia is under control, with users complying with the regulations set by the **Malaysian Nuclear Agency (MNA)**.

MNA commercial and technology planning division senior director Mohd Sidek Othman said such users are trained and have undergone a proper certification process.

Speaking to reporters after opening a radiation safety seminar here yesterday, he said the hazard management of laser

radiation technology is also under control.

Industries which use such equipment include those in the steel manufacturing sector, medical services and the entertainment industry.

In his speech earlier, he said safety seminars are important for operators of such equipment to understand the risks involved and the safety measures needed.

He said participants would gain the latest information from industry specialists and the latest standards imposed by the authorities.